

Perpindahan Ibu Kota Jakarta Ke Kalimantan: Peranan Masyarakat Pantai Timur Sabah dalam Meminimumkan Impak Keselamatan Nasional

Jakarta Capital's Shift To Kalimantan: The Role of Sabah's East Coast Community In Minimising National Security Impact

MOHAMAD IKHRAM RIDZUAN^{1*}, RAMLI DOLLAH¹ & SANDY NUR IKFAL RAHARJO²

¹Program Hubungan Antarabangsa,

Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,

Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

²Pusat Riset Politik, Badan Riset dan Inovasi Nasional (BRIN),

Gedung B.J. Habibie, Jl. M.H. Thamrin No. 8,

Jakarta Pusat 10340, Indonesia

Corresponding author:ikhram@ums.edu.my

Received: 07 July 2024 Accepted: 17 December 2024

Abstrak

Kajian ini menganalisis impak perpindahan ibu kota Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan terhadap masyarakat di Pantai Timur Sabah Malaysia. Tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua negara telah menandatangani beberapa perjanjian berkaitan dengan kawalan keselamatan sempadan, seperti Perjanjian Asas mengenai Penyeberangan Sempadan 1967; Perjanjian Perdagangan Sempadan Malaysia-Indonesia, 1970; Demarkasi Bersama dan Survei Sempadan Tanah Bersama, 1973, dan Perjanjian Perdagangan Laut Sempadan, 1973, tetapi kes-kes seperti penyeludupan barang, dadah, dan manusia masih tinggi. Disebabkan isu-isu tersebut, pemindahan ibu kota Jakarta ke Kalimantan berpotensi untuk menyebabkan peningkatan penyeludupan, perdagangan manusia, dan pembukaan laluan haram baru yang boleh menjelaskan kestabilan dan keamanan kedua-dua negara. Oleh itu, kajian ini mengangkat dua persoalan kajian, iaitu, apakah bentuk isu-isu keselamatan lintas sempadan yang mengancam pemindahan Ibu Kota Nusantara (IKN) di sepanjang sempadan darat dan maritim Malaysia-Indonesia? Dan apakah solusi alternatif untuk menyelesaikan isu-isu keselamatan lintas sempadan di kedua-dua negara? Kajian ini mengaplikasikan konsep Fenomena Kawasan Kelabu (GAP) yang menganalisis isu-isu tidak tradisional yang berlaku dalam era pasca-Perang Dingin. Dalam mendapatkan hasil kajian yang lebih komprehensif, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan temu bual berstruktur. Penemuan kajian menunjukkan bahawa kawalan sempadan melibatkan bukan sahaja kerajaan kedua-dua negara tetapi juga peranan masyarakat. Antaranya ialah memberikan informasi kepada kerajaan dalam aspek penyeludupan dan perlanunian terutamanya mereka yang tinggal di kawasan sempadan antara kedua-dua negara, dalam usaha untuk mengurangkan risiko ancaman.

Kata kunci: Perpindahan Ibu Kota; Malaysia; Indonesia; Keselamatan Bukan Tradisional; Teori Kelabu

Abstract

This study analyzes the impact of Indonesia's capital relocation from Jakarta to Kalimantan on the communities along the East Coast of Sabah, Malaysia. It is undeniable that both countries have signed several agreements related to border security control, such as the Basic Agreement on Border Crossing 1967, the Malaysia-Indonesia Border Trade Agreement 1970, the Joint Demarcation and Joint Land Border Survey 1973, and the Border Sea Trade Agreement 1973. However, issues like smuggling of goods, drugs, and human trafficking remain significant. Given these factors, the relocation of the capital from Jakarta to Kalimantan has the potential to increase smuggling, human trafficking, and the opening of new illegal routes, which could threaten the stability and security of both nations. This study, therefore, raises two research questions: (1) What types of cross-border security issues threaten the relocation of the new capital, Ibu Kota Nusantara (IKN), along Malaysia-Indonesia's land and maritime borders? (2) What alternative solutions can address cross-border security issues in both countries? The study applies the concept of the Grey Area Phenomenon (GAP), which analyses non-traditional issues in the post-Cold War era. To obtain more comprehensive findings, this research employs qualitative methods, including literature reviews and structured interviews. The findings indicate that border control involves not only the governments of both nations but also the role of local communities. This includes providing information to the government on smuggling and piracy activities, particularly from those living in the border areas between the two countries, as part of the efforts to reduce security threats.

Keywords: Capital Relocation; Malaysia; Indonesia; Non-Traditional Security; Grey Theory

Pengenalan

Indonesia merupakan negara kepulauan yang ke-14 terbesar di dunia, terdiri daripada lebih 17,000 pulau yang terbentang dari Sabang di barat sehingga Merauke di timur. Kepelbagaiannya pulau-pulau ini telah memberikan Indonesia ciri-ciri yang unik sehingga menjadikannya negara tersebut sebagai salah sebuah negara yang paling kompleks daripada segi kepelbagaiannya budaya, bahasa dan ekologi. Kedudukan strategik negara ini di antara dua benua iaitu Asia dan Australia serta dua lautan utama iaitu Lautan Hindi dan Lautan Pasifik telah menjadikannya Indonesia sebagai sebuah negara dengan kedudukan geopolitik yang amat penting. Selain itu, Indonesia juga terletak berhampiran dengan Selat Melaka iaitu salah satu laluan perdagangan utama dunia yang menghubungkan kawasan Asia dengan Eropah dan Afrika. Kebergantungan perdagangan global terhadap laluan ini menjadikannya Indonesia sebagai aktor penting dalam menjaga keselamatan dan kestabilan laluan maritim. Daripada segi geografi negara tersebut mempunyai keluasan daratan 1,922,570 km² manakala keluasan lautan 3,257,483 km² yang terletak di antara Lautan Hindi dan Lautan Pasifik.¹ Daripada segi jumlah penduduk, Indonesia mempunyai seramai 273,52 juta orang.² Hal ini membuktikan bahawa Indonesia mempunyai jumlah penduduk yang tertinggi di rantau Asia Tenggara kerana 40.9% daripada 668,61 juta penduduk di rantau Asia Tenggara berasal daripada negara tersebut.³ Dalam aspek ketenteraan pula, Indonesia merupakan negara ke-13 terkuat di dunia.⁴ Daripada perspektif yang berbeza kekuatan ketenteraan ini diperkuahkan oleh lokasi strategik Indonesia yang berperanan sebagai pintu masuk kepada laluan perdagangan antarabangsa selain mempunyai peranan penting dalam keselamatan maritim. Tentera Nasional Indonesia (TNI) memainkan peranan utama dalam menjaga keselamatan perairan yang luas ini di samping mempertahankan kedaulatan negara dari ancaman luar.

Peranan Masyarakat Pantai Timur Sabah dalam Meminimumkan Impak Keselamatan Nasional

Berdasarkan ciri-ciri tersebut telah membuktikan bahawa Indonesia merupakan salah sebuah kuasa utama di rantau Asia Tenggara. Peranannya bukan sahaja penting dari aspek geopolitik dan ekonomi tetapi juga dari segi kestabilan dan keselamatan serantau. Kedudukan ini menjadikan Indonesia sebagai negara yang berupaya memberikan impak signifikan terhadap kestabilan rantau sama ada melalui diplomasi, kerjasama ekonomi atau usaha bersama dalam memelihara keselamatan maritim dan memerangi ancaman bukan tradisional seperti keganasan dan penyeludupan. Pada 16 Ogos tahun 2019, dunia dan khususnya rantau Asia Tenggara telah digemparkan dengan pengumuman perpindahan ibu kota Indonesia (IKN) iaitu daripada Jakarta ke Kalimantan. Pengumuman yang dilakukan merupakan langkah strategik dalam menangani pelbagai masalah yang dihadapi Jakarta termasuk kesesakan lalu lintas yang teruk, pencemaran udara serta masalah penenggelaman bandar akibat kesan pembangunan yang tidak terkawal. Perpindahan tersebut dijangkakan akan dilakukan pada tahun 2024 dengan jumlah kos 466 trilion rupiah iaitu bersamaan dengan RM135.9 bilion.⁵ Umumnya peristiwa tersebut bukan kali pertama bagi Indonesia kerana pada Januari 1946 sehingga Disember 1949 ibu kota Indonesia adalah terletak di Yogjakarta. Bahkan Bukit tinggi di wilayah Selatan Sumatra juga pernah seketika menjadi ibu kota Indonesia iaitu antara bulan Disember 1948 sehingga Jun 1949 ketika Presiden Soekarno membentuk kerajaan sementara ketika darurat sebelum di tangkap dan di tawan oleh Belanda. Selain itu Bireuen di wilayah Acheh turut pernah berfungsi sebagai ibu negara dalam tempoh seminggu sebelum Jakarta menjadi ibu kota negara tersebut.⁶ Lokasi IKN adalah seperti rajah di bawah,



Peta 1: Ibu Kota Indonesia di Kalimantan

Sumber: The Borneo Post.



Peta 2: Persempadan antara Sabah dan Kalimantan Utara

Sumber: Diubah suai daripada peta Sabah.



Peta 3: Kawasan di Garis Sempadan Negara iaitu Buatan, Agisan, Simangaris dan Pulau Sebatik

Sumber: Peta Malaysia.

Berdasarkan peta 1 sehingga peta 3, garis persempadan darat antara Kalimantan Utara dan Pantai Timur Sabah adalah sepanjang 2,019.5 kilometer dan perpindahan ibu kota tersebut sudah pasti memberikan impak yang signifikan terhadap hubungan diplomatik dan keselamatan Malaysia khususnya di kawasan Pantai Timur Sabah yang terdiri daripada Tawau, Lahad Datu dan Sandakan.

Hubungan diplomatik bilateral antara Malaysia dan Indonesia telah terjalin sejak kian lama sejak era Kesultanan Melaka dan Srivijaya, Perang Dingin, pasca era Perang Dingin sehingga hari ini. Kedua-dua buah negara yang mempunyai persamaan budaya, bahasa dan warisan telah mengukuhkan hubungan mereka walaupun melalui pelbagai cabaran sejarah dan politik. Dalam era Kesultanan Melaka dan Srivijaya, hubungan antara wilayah-wilayah yang kini membentuk Malaysia dan Indonesia distrukturkan dengan jalinan perdagangan, perkahwinan antara kaum diraja serta jaringan politik yang luas di Nusantara. Ketika era Perang Dingin, pergeseran geopolitik telah membawa kepada konflik

besar antara kedua-dua buah negara yang dikenali sebagai Konfrontasi Malaysia-Indonesia (1973-1966). Konfrontasi ini berpunca daripada penentangan Indonesia terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 yang dianggap oleh Presiden Soekarno sebagai usaha neokolonialisme British. Namun, setelah berakhirnya konfrontasi kedua-dua buah negara beralih ke arah diplomasi damai dan pembangunan hubungan dua hala yang lebih erat dan diperkuuhkan lagi dengan penubuhan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) pada tahun 1967. Pembentukan ASEAN telah menjadi titik permulaan bagi hubungan yang lebih erat dalam konteks kerjasama rantau untuk kestabilan dan keselamatan.

Ketika era pasca Perang Dingin pelbagai peristiwa telah membuktikan kedinamikan hubungan dua hala antara Kuala Lumpur dan Jakarta. Sejak konfrontasi antara Indonesia dan Malaysia, kedua-dua buah negara mengalami dinamik konflik yang berbeza seperti pembentukan Malaysia, Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)⁷ konflik Ambalat 1 dan 2, konflik isu Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN), pertikaian budaya, isu pekerja asing Indonesia dan sebagainya. Selain itu, kedua-dua buah negara juga telah bersaing dalam pasaran getah dan bijih timah tetapi pada masa yang sama bekerjasama dalam menghadapi persaingan daripada getah sintetik Amerika Syarikat.⁸ Selain itu, pertikaian budaya sering seringkali muncul di mana warisan budaya seperti tarian, makanan dan seni yang dikongsi bersama kadangkala menjadi isu sensitif dalam kalangan masyarakat kedua-dua buah negara. Isu pekerja asing Indonesia di Malaysia juga sering kali menjadi perkara yang perlu diuruskan secara diplomatik khususnya melibatkan hak pekerja dan layanan mereka di negara tuan rumah. Namun yang demikian, kerjasama dua hala merupakan kunci pengikat terhadap hubungan diplomasi antara kedua-dua buah negara khususnya dalam aspek ekonomi. Tidak dinafikan bahawa kedua-dua buah negara pernah bersaing dalam pengeluaran dan pasaran getah serta bijih timah tetapi pada masa yang sama bekerjasama dalam menghadapi persaingan daripada pengeluar getah sintetik Amerika Syarikat.^{9,10} Dalam konteks ekonomi global, persaingan dan kerjasama ini menggambarkan betapa hubungan Malaysia-Indonesia kompleks dan pragmatik dalam memaksimumkan kepentingan nasional dan meminimumkan risiko.

Oleh hal yang demikian makalah ini akan menganalisis dan menghujahkan impak keselamatan perpindahan ibu kota Jakarta ke Kalimantan khususnya daripada perspektif keselamatan bukan tradisional. Perpindahan ibu kota tersebut mempunyai implikasi besar terhadap rantau khususnya di kawasan Pantai Timur Sabah. Dalam konteks keselamatan bukan tradisional, perpindahan ibu kota ke Kalimantan berpotensi kepada peningkatan penyeludupan manusia termasuk pekerja migran dan masyarakat terpinggir serta konflik persekitaran akibat pembinaan dan pembangunan bandar baru. Isu-isu tersebut memerlukan kerjasama antara Malaysia dengan Indonesia bukan sahaja pada peringkat kerajaan dengan kerajaan (G2G) tetapi juga pada peringkat masyarakat dengan masyarakat (P2P) dalam memastikan keselamatan dan kestabilan di kawasan sempadan dikekalkan. Daripada perspektif yang berbeza perpindahan ibu kota ke Kalimantan memberikan peluang kepada kedua-dua buah negara dalam memperluaskan bentuk kerjasama baharu yang lebih inklusif di mana kerjasama tersebut bukan sahaja tertumpu pada hal-hewal politik dan ekonomi tetapi juga dalam aspek sosial dan kemasyarakatan termasuk memperkuuhkan ikatan budaya, menangani isu-isu persekitaran serta mempertingkatkan keselamatan wilayah bersama dengan penekanan khusus terhadap penyertaan dan inisiatif masyarakat sempadan.

Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan temu bual dan kajian kepustakaan bagi mencapai objektif kajian. Temu bual pula dilakukan kepada yang terlibat secara langsung dalam menyumbangkan idea, mengulas, mencadang, menasihat dan menganalisis tindakan dan dasar yang boleh di ambil oleh Malaysia

dalam menghadapi impak isu perpindahan ini. Antara yang ditemubual ialah seorang Pegawai Kastam, seorang Pegawai Imigresen dan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri di salah sebuah kawasan di Pantai Timur Sabah. Kesemua responden diidentifikasi sebarang Responden 1 (R1) sehingga Responden 3 (R3). Pegawai Kastam dipilih untuk mendapatkan pandangan mengenai kawalan perdagangan rentas sempadan dan aktiviti penyeludupan di Pantai Timur Sabah. Hal ini adalah signifikan dalam memahami isu keselamatan dan ekonomi tempatan. Pegawai Imigresen pula dipilih untuk memberikan maklumat tentang aliran keluar masuk penduduk asing dan isu migrasi haram di kawasan-kawasan tertentu. Kepakaran beliau dapat membantu menjelaskan prosedur imigresen dan cabaran penguatkuasaan di kawasan sempadan. Bagi Ahli Dewan Undangan Negeri pula, beliau mewakili penduduk setempat dan memberikan perspektif politik serta dasar yang diambil untuk menangani masalah keselamatan dan ekonomi di kawasan Pantai Timur Sabah. Oleh hal yang demikian setiap informan dipilih berdasarkan kepakaran masing-masing yang berkaitan dengan keselamatan sempadan dan isu sosio-ekonomi di kawasan tersebut. Bagi memperolehi data dan maklumat sekunder melalui kajian perpustakaan, data dan maklumat adalah melalui dokumen bercetak seperti buku, artikel dan jurnal yang berkaitan dengan dasar dan hubungan antarabangsa yang mempunyai perbahasan kritikal dan komprehensif yang meliputi isu mengenai hubungan dua hala Malaysia-Indonesia, impak keselamatan persempadanan, isu dan kes penyeludupan Malaysia-Indonesia dan sebagainya. Dalam menganalisis data, kajian mengaplikasikan process tracing iaitu mensintesikan pendekatan kajian-kajian sarjana bagi menganalisis setiap pendekatan kajian-kajian sarjana dalam menganalisis corak dan kes-kes yang pernah dan bakal berlaku impak daripada perpindahan ibu kota Jakarta ke Kalimantan.

Konsep Fenomena Kawasan Kelabu (*Grey-Area Phenomena - GAP*)

Sejak berakhirnya Perang Dingin, negara-negara di seluruh dunia telah menyedari potensi untuk mencapai keamanan yang berpanjangan. Kehancuran Kesatuan Soviet menyebabkan berakhirnya konflik ideologi antara negara-negara yang telah berterusan sejak akhir Perang Dunia II. Ini membawa kepada pengurangan ancaman ketenteraan yang ditimbulkan oleh satu negara kepada negara lain sebagaimana difahami dari perspektif realis. Namun, ini tidak berjalan seperti yang diharapkan, kerana dunia terpaksa berhadapan dengan bentuk ancaman keselamatan baru yang berbeza dari ancaman sebelumnya. Bentuk ancaman baru ini termasuk migrasi, penyeludupan, lanun, keganasan, pemberontakan, pengedaran dadah, militan fundamentalis, pembersihan etnik, dan perang saudara.¹¹ Dalam hal ini, pelbagai konsep telah digunakan untuk menjelaskan ancaman baru ini di peringkat antarabangsa. Salah satu konsep ini ialah Fenomena Kawasan Kelabu (GAP). Konsep ini telah diperkenalkan oleh Peter Chalk¹² untuk menjelaskan fenomena keselamatan yang melibatkan ancaman bukan ketenteraan. Chalk menggunakan konsep “Fenomena Kawasan Kelabu” yang dibangunkan oleh Jim Holden-Rhodes dan Peter Lupsha dalam makalah yang diterbitkan dalam *Criminal Justice International*. Beliau mendefinisikan GAP sebagai “*threats to the stability of sovereign states by non-state actors and nongovernmental processes and organisations.*” Walaupun banyak isu GAP mungkin melibatkan unsur keganasan, ini tidak semestinya berlaku dalam semua situasi. Beliau turut mengakui bahawa ancaman ini bukanlah fenomena baru tetapi tidak dianggap penting sehingga tamatnya Perang Dingin. Pada masa yang sama, aktor bukan negara telah meluaskan bidang operasi mereka, meningkatkan tahap kerjasama anta kumpulan, dan memperhebatkan penglibatan mereka dalam jenayah terancang.¹³ Aktor bukan negara seperti sindiket jenayah antarabangsa, organisasi pengedaran dadah dan kumpulan pengganas seringkali dikaitkan dengan manifestasi agresif GAP. Sebaiknya GAP tanpa kekerasan secara amnya lebih cenderung kepada ancaman yang ditimbulkan oleh proses dan pengaruh bukan kerajaan, seperti kehadiran pendatang yang tidak terkawal atau menyalahi undang-

undang imigresen, kebuluran, dan penyebaran penyakit transnasional seperti AIDS dan taun.¹⁴ Walau bagaimanapun, apabila pengaruh GAP dikaitkan dengan keganasan dan pencerobohan, konflik tersebut biasanya dianjurkan dan digunakan untuk tujuan politik atau ekonomi. Namun, ia jarang membawa kepada perperangan konvensional berskala besar, sebaliknya mengambil bentuk yang lebih terancang dan terbatas dalam ruang lingkup keganasan dan ketidakstabilan yang dikendalikan oleh aktor-aktor ini.

GAP sering menimbulkan ancaman besar kepada kestabilan, perpaduan, dan integriti negara bangsa moden. Namun, tidak seperti keimbangan keselamatan tradisional seperti pencerobohan luar, ancaman GAP adalah lebih halus dan tersembunyi. Ini kerana ia sering timbul daripada konteks yang wujud di luar struktur negara formal, dan ia tidak selalu dikaitkan secara langsung dengan entiti politik, kumpulan kuasa atau blok etno-agama global yang lain. Sepertimana yang dinyatakan di atas, isu seperti kebuluran, penyakit, pengedaran dadah, keganasan, dan jenayah terancang telah wujud sejak sekian lama. Namun, ancaman baru ini menjadi lebih menonjol dalam konteks global semasa disebabkan oleh beberapa faktor penyumbang. Terdapat empat faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan dan kemunculan GAP iaitu, polarisasi ekonomi dunia, yang memudahkan untuk menjadi kaya melalui aktiviti jenayah; kebangkitan fundamentalisme agama, khususnya fundamentalisme Islam, di seluruh dunia; percambahan senjata; dan kemajuan teknologi pengangkutan, yang memudahkan globalisasi.¹⁵ Gabungan faktor-faktor ini memburukkan lagi ancaman yang ditimbulkan oleh GAP dalam sistem antarabangsa pasca Perang Dingin. Faktor-faktor ini amat ketara dalam konteks Asia Tenggara, terutamanya di sempadan antara Malaysia dan Indonesia. Oleh itu, cadangan untuk memindahkan ibu kota Indonesia ke Kalimantan ini akan mewujudkan jaringan pengangkutan yang baik antara kawasan-kawasan ini. Peningkatan *connectivity* antara kawasan dan negara di sempadan Malaysia-Indonesia ini pastinya akan meningkatkan GAP di kawasan ini.

Polemik *non-traditional security* isu terhadap Pantai Timur Sabah

Kajian ini mengetengahkan lima (5) isu yang dihadapi oleh Malaysia khususnya di kawasan Pantai Timur Sabah impak daripada perpindahan IKN iaitu penyeludupan barang, penyeludupan dadah, penyeludupan manusia, isu tenaga buruh asing dan isu perlanunan serta persempadanan wilayah laut.

Penyeludupan dadah

Penyeludupan dadah antara sempadan Indonesia-Malaysia masih mempunyai beberapa kawasan berisiko yang merupakan laluan tradisional. Sekurang-kurangnya terdapat 1,400 laluan haram di wilayah Kalimantan Utara (Kaltara) yang sering digunakan sebagai laluan jenayah seperti dadah. Beberapa kes penyeludupan dadah yang dilakukan di sempadan meliputi:

- i) Penyeludupan Sabu seberat 5,165.3 gram melalui Pelabuhan Tunon Taka Nunukan Kalimantan Utara yang dilakukan pada 2013. Penyeludupan itu dilakukan oleh warga asing yang menetap di Malaysia.¹⁶
- ii) Pejabat Kastam Nunukan juga pernah menggagalkan penyeludupan sabu seberat 2.1 kg di Pelabuhan Tunon Taka pada 16 Februari 2022.¹⁷
- iii) Pasukan Petugas Keselamatan Sempadan Yonarmed 18/Komposit dari Pos Aji Kuning Sebatik juga menggagalkan penyeludupan sabu 36 bungkus seberat 103 gram di perairan Sebatik.¹⁸
- iv) Kes yang cukup mendapat perhatian adalah penangkapan 38 kilogram sabu di Tanjung Selor, Bulungan, pada 20 Julai 2019 oleh pasukan gabungan dari Badan

- Narkotika Nasional (BNN), Kastam Tarakan, Jabatan Polis Bulungan serta Jabatan Polis Tarakan. Sabu dalam jumlah sangat besar ini berjaya keluar dari Malaysia, dan disyaki akan diedarkan ke beberapa bandar besar di Kalimantan, Jawa dan Sulawesi dengan laluan masuk ke Kalimantan, iaitu Tawau - Nunukan - Tarakan - Tanjung Selor – Samarinda.¹⁹
- v) Pada 21 Mei 2021, BNN Kaltara dari Tawau telah mendedahkan kes 20 kg kristal methamphetamine di perairan Mangkupadi, Bulungan.²⁰
 - vi) Polis Wilayah Kaltara juga mendedahkan penahanan dadah yang sangat besar dengan menggagalkan penghantaran 30.72 kg methamphetamine pada 10 Februari 2022 dengan menahan dua suspek warga Malaysia di Menara Pancang Kembar, Laut Bunyu, Kabupaten Bulungan. Dadah tersebut dihantar dari Tawau dan berakhir di Bandar Palu, Sulawesi Tengah.²¹
 - vii) Pendedahan kes dadah dengan jumlah terbesar untuk Kaltara berlaku pada 20 Julai 2022 oleh Polis Wilayah Kaltara di Panacang 3 sempadan Indonesia-Malaysia. Mereka merancang untuk membawa syabu dan melarikan diri dari Tawau ke Sulawesi.²²

Melalui hujahan-hujahan tersebut, penyeludupan dadah jenis sabu di kawasan sempadan Malaysia-Indonesia melibatkan angka dan jumlah yang tinggi dan sering berlaku melalui pelabuhan dan kawasan perairan seperti Tunon Taka, Sebatik, Tanjung Selor dan Bulungan. Kes-kes ini membuktikan bahawa kawasan sempadan antara Sabah dan Kalimantan Utara sering dijadikan laluan utama bagi aktiviti penyeludupan dadah yang melibatkan pelbagai pihak seperti warga asing yang menetap di Malaysia mahupun warga Malaysia sendiri. Kerjasama antara agensi keselamatan seperti Badan Narkotika Nasional (BNN), Jabatan Polis Bulungan, Polis Wilayah Kaltara dan pasukan petugas keselamatan sempadan telah membawa kepada beberapa kejayaan dalam menggagalkan cubaan penyeludupan dadah dalam kuantiti besar. Ini termasuk penangkapan sabu seberat 5,165.3 gram, 2.1 kg dan sejumlah besar sabu lain yang dirancang untuk diedarkan ke bandar-bandar besar di Kalimantan, Jawa dan Sulawesi. Walaupun terdapat kejayaan dalam menahan pelbagai cubaan penyeludupan, situasi tersebut menunjukkan risiko keselamatan yang tinggi di kawasan sempadan serta perlunya penambahbaikan dalam kawalan sempadan dan kerjasama rentas sempadan bagi menangani isu penyeludupan dadah yang terus meningkat.

Penyeludupan Manusia

Sempadan Nunukan masih menjadi akses yang digunakan dalam penyeludupan manusia ke Malaysia. Masih dalam suku pertama tahun 2023 ini, sekurang-kurangnya terdapat 4 kes penyeludupan manusia dengan modus penghantaran pekerja migran (pekerja migran haram). Jumlah keseluruhan pekerja migran yang diseludupkan ialah 38 orang melalui calo (pengeluar tiket haram). Pada Januari 2023, 17 orang telah diseludup tanpa dokumen sah dan diminta membayar sebanyak Rp 3,135,000/ orang untuk kos perjalanan ke Malaysia. Laluan perjalanan yang diambil dari Nunukan menuju Sebatik dan seterusnya ke Tawau, Sandakan, Kunang, Lahad Datu, dan akhirnya ke Kota Kinabalu.²³

Pada 18 Februari 2023 di perairan Nunukan, Unit Polis Marin Nunukan telah mengiringi keselamatan seramai 5 orang yang akan melakukan perjalanan ke Pelabuhan Kampung Bambangan Sebatik Dalam untuk dihantar secara haram ke Malaysia. Manakala pada 4 Februari 2023, satu kes penyeludupan berlaku di Kampung Sekaduyan Taka Sei Menggaris di mana seramai 9 orang dewasa dan 1 orang kanak-kanak ke Malaysia dengan kos Rp 520,000/ orang. Pada 14 Februari 2023, penyeludupan berlaku lagi dengan 2 orang pelaku. Bagi menangani masalah penyeludupan,


sejumlah 144,540 rondaan keselamatan harian telah dilaksanakan di Zon Keselamatan Eastern Sabah Security Command (ESSZONE) & Kawasan Sempadan Darat Sabah & Sarawak pada Tahun 2019.²⁴ Walaupun begitu, isu penyeludupan masih berlaku dan semakin meningkat. Menurut statistik tahun 2019 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Dalam Negeri Malaysia (KDN), bagi kes pendatang asing tanpa izin, sebanyak 41 jumlah tangkapan dibuat di Sabah sahaja, dan 1 di Sarawak, iaitu 32% daripada jumlah 131 PATI yang ditangkap di seluruh Malaysia pada tahun 2019.²⁵

Oleh hal yang demikian, sempadan Nunukan masih lagi menjadi laluan utama bagi penyeludupan manusia ke Malaysia terutamanya pekerja migran haram. Pada suku pertama tahun 2023 sekurang-kurangnya terdapat empat kes penyeludupan manusia yang melibatkan 38 pekerja migran haram yang menggunakan laluan dari Nunukan melalui Sebatik dan seterusnya ke pelbagai destinasi di Sabah seperti Tawau, Sandakan, Lahad Datu dan Kota Kinabalu. Laluan ini masih menjadi pilihan utama kerana kemudahan akses dan kehadiran rangkaian pengeluar tiket haram yang beroperasi di kawasan sempadan ini. Kes-kes penyeludupan ini melibatkan modus operandi penghantaran pekerja migran tanpa dokumen sah dengan kos perjalanan yang dikenakan kepada setiap individu. Walaupun pihak berkuasa seperti Unit Polis Marin Nunukan dan agensi keselamatan di Sabah telah meningkatkan rondaan kawalan dan keselamatan dengan lebih daripada 144,540 rondaan dilaksanakan di Zon Keselamatan Eastern Sabah Security Command (ESSZONE) dan kawasan sempadan Sabah dan Sarawak pada tahun 2019, isu penyeludupan manusia masih berlaku dan terus meningkat secara konsisten. Atas faktor tersebut langkah keselamatan sedia ada masih belum cukup dalam membendung aktiviti penyeludupan yang semakin kompleks. Masih terdapat keperluan untuk tindakan lebih tegas dan kolaborasi yang lebih erat antara agensi-agensi penguatkuasa di kedua-dua buah bagi mengekang aktiviti penyeludupan di kawasan sempadan.

Penyeludupan Barang

Berdasarkan data Pejabat Pengawasan dan Perkhidmatan Kastam (KPPBC) Nunukan sepanjang 2022, terdapat 80 kes yang ditangani dan keseluruhan barang haram telah dimusnahkan. Barang bukti yang paling dominan ialah penyeludupan kosmetik jenis Brilliant dari Filipina sebanyak 35,252 unit. Selain kosmetik, KPPBC Nunukan juga mengamankan barang teknikal yang tidak dilengkapi dengan bea masuk atau dokumen rasmi daripada pihak berkuasa seperti karpet sebanyak 99 helai dan Ballpress sebanyak 34 karung. Sementara untuk minuman mengandungi etanol dan alkohol, sebanyak 151 botol telah dimusnahkan pada akhir November 2022. Manakala untuk pengawasan berterusan KPPBC terhadap produk tembakau tidak bercukai di Nunukan, sekurang-kurangnya 39,817 batang berjaya diamankan daripada beberapa kedai runcit.²⁶

Melalui cadangan IKN ini, populasi dijangka akan bertambah, dan peluang perniagaan juga akan meningkat terhadap percambahan ekonomi di kepulauan Borneo. Perkara ini selanjutnya akan menjurus kepada potensi peningkatan dalam permintaan di keseluruhan kepulauan Borneo, mengkhususkan Sabah dan Sarawak, dan juga Kalimantan. Secara tidak langsung, terdapat risiko peningkatan jenayah penyeludupan barang, dadah dan orang. Oleh hal yang demikian aktiviti penyeludupan yang terdiri daripada barang, dadah dan individu di rumuskan seperti Rajah 4 di bawah,



Rajah 1: Aktiviti Penyeludupan di persempadan Malaysia-Indonesia.

Sumber: Disentesis daripada pengkaji.

Berdasarkan Rajah 1, perpindahan ibu kota Jakarta ke Kalimantan akan menyebabkan peningkatan permintaan terhadap sumber dan perkhidmatan yang seterusnya mendorong perkembangan sinergi ekonomi di wilayah Kalimantan dan kawasan sekitarnya, lebih-lebih lagi di Sabah. Pertumbuhan ekonomi ini membuka peluang perniagaan dan pelaburan dan pada masa yang sama turut mewujudkan aktiviti ekonomi yang haram seperti penyeludupan barang, dadah mahupun manusia khususnya di kawasan sempadan. Selain itu, perpindahan ibu kota juga dijangka akan menyebabkan pertambahan populasi melalui migrasi tenaga kerja dan pihak-pihak berkepentingan yang ingin mengambil kesempatan terhadap peluang ekonomi baharu. Gabungan faktor-faktor tersebut berpotensi meningkatkan risiko aktiviti penyeludupan barang, dadah dan manusia di kawasan sempadan. Sebagai kawasan yang berdekatan dengan Kalimantan, pantai timur Sabah perlu memainkan peranan penting dalam meminimumkan risiko tersebut. Kesedaran dan pemberdayaan masyarakat setempat sangat penting untuk memantau dan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan bagi memelihara keselamatan sempadan negara.

Isu Tenaga Buruh Asing

Dalam proses pembinaan ibu negara baharu di Kalimantan, tenaga kerja asing diperlukan dalam memenuhi keperluan dan kemahiran yang mungkin belum ada di Indonesia. Situasi tersebut menimbulkan persaingan antara tenaga kerja di Sabah dan Kalimantan, terutamanya jika syarikat di Sabah bergantung terhadap tenaga kerja asing yang sama.²⁷ Seterusnya ialah migrasi haram. Pemindahan ibu negara ke Kalimantan boleh meningkatkan aliran migrasi haram dari Sabah ke Kalimantan. Secara tidak langsung ia menimbulkan masalah keselamatan, sosial dan ekonomi bagi kedua-dua belah pihak.

Isu yang seterusnya ialah pengangguran dan ketidaksamaan. Pembangunan ibu negara baru di Kalimantan akan menarik tenaga kerja tempatan dan asing khususnya dalam kalangan kurang berkemampuan yang menghadapi isu kemiskinan.²⁸ Walaubagaimana pun jika peluang pekerjaan tidak seimbang atau tidak mencukupi untuk semua, hal ini boleh menyebabkan pengangguran dan ketidaksamaan dalam kalangan tenaga kerja tempatan dan asing serta di antara mereka yang datang dari Sabah dan wilayah yang lain. Perbezaan budaya dan bahasa juga antara masalah utama yang akan

wujud impak daripada perpindahan ibu kota Jakarta ke Kalimantan.²⁹ Hal ini kerana perbezaan budaya dan bahasa antara tenaga kerja asing daripada Sabah dan tenaga kerja tempatan akan mewujudkan halangan komunikasi dan integrasi. Hal ini boleh mengakibatkan konflik sosial dan kesukaran dalam menguruskan projek pembangunan.

Disebabkan perkara tersebut terdapat beberapa dasar dan langkah yang boleh diambil oleh Malaysia dalam mengatasi masalah yang bakal wujud impak daripada pemindahan ibu kota Jakarta ke Kalimantan iaitu, pengawasan perbatasan yang lebih efektif. Sebagai contohnya mengendalikan migrasi haram dengan meningkatkan pengawasan sempadan dan kerjasama antara agensi penguatkuasaan undang-undang kedua-dua buah negara. Hal ini akan membantu mengurangkan masalah keselamatan dan sosial yang timbul akibat migrasi haram. Selain itu ialah program pertukaran budaya antara masyarakat Kalimantan dan Sabah, yang boleh membantu mengurangkan perbezaan budaya dan bahasa serta meningkatkan pemahaman serta toleransi antara tenaga kerja asing dan tempatan.³⁰ Seterusnya ialah pemerkasaan jaringan hubungan dan infrastruktur. Pemerkasaan jaringan hubungan dan infrastruktur antara Kalimantan dan Sabah, termasuk pengangkutan darat, laut dan udara. Hal ini akan memudahkan pergerakan tenaga kerja, barang, dan perkhidmatan antara kedua-dua buah wilayah dan menyokong pertumbuhan ekonomi yang saling menguntungkan.

Hubungan bilateral Malaysia dan Indonesia berkenaan dengan tenaga kerja (pekerja migran Indonesia/PMI) tidak dapat dipisahkan daripada matlamat masing-masing untuk memenuhi objektif kepentingan nasional. Masalah PMI di luar negara termasuk di Malaysia sebenarnya merupakan fenomena rasional ekonomi yang berdasarkan kepentingan kedua-dua buah negara, permintaan Malaysia terhadap PMI cukup tinggi, sementara Indonesia juga mendapat faedah ekonomi sebagai sumber pertukaran asing dan membantu ekonomi negara melalui penghantaran PMI. Walau bagaimanapun, dinamika kerjasama penempatan dan perlindungan PMI di Malaysia sedikit sebanyak dipengaruhi oleh keadaan dalaman kedua-dua negara yang berkaitan dengan sistem atau peraturan perburuan setiap negara. Kedua-dua negara belum meratifikasi konvensyen mengenai pekerja asing. Malaysia belum mempunyai peraturan atau undang-undang yang secara khusus menangani PMI sektor tidak formal. Malaysia juga menolak konsep dan piawaian perlindungan yang mengikat secara sah bagi PMI haram berdasarkan hak asasi manusia. Sementara itu, kedudukan tawar Indonesia agak lemah disebabkan imej buruk pengurusan tenaga kerja yang bekerja di luar negara, seperti masalah PMI haram, PMI tanpa kemahiran dan pemahaman budaya negara penerima, ketidakjelasan kontrak kerja, serta adanya pemerasan terhadap PMI. Berikut beberapa masalah atau kes yang timbul, antaranya:

1. Laporan Koalisi Buruh Migran Berdaulat (KBMB) menyatakan bahawa terdapat 149 buruh/PMI meninggal dalam tahanan imigresen di Sabah, Malaysia, dalam tempoh 2021 hingga Jun 2022.³¹
2. Konjen (Konsulat Jeneral) Indonesia di Malaysia mencatat WNI yang berpotensi menjadi stateless di Sabah, Malaysia, sebanyak 151,979 orang WNI di Kinabalu dan 173,498 orang di Tawau, dengan jumlah keseluruhan 325,477 orang (2022).³² Konsulat RI Tawau sekali lagi melakukan penghantaran pulang seramai 246 orang WNI/PMI yang bermasalah dari Depot Imigresen Tawau (DIT), yang telah menyelesaikan proses undang-undang dan kemudiannya dihantar pulang oleh pihak kerajaan Malaysia. Proses penghantaran dilakukan melalui laluan laut dari Pelabuhan Tawau ke Pelabuhan Tunontaka di Nunukan, Kalimantan Utara, menggunakan feri yang disediakan khas. Masalah di atas merupakan sebahagian kecil daripada kes-kes yang sering berlaku berkaitan dengan keberadaan PMI di Malaysia.³³

Masalah-masalah yang dihujahkan di atas merupakan sebahagian kecil daripada jumlah kes yang kerap berlaku dalam kes pendatang tanpa izin di Malaysia. Isu ini telah mendapat perhatian daripada pemerintah Indonesia dalam menyusun semula peraturan yang berkaitan dengan persediaan, penghantaran, pemantauan dan perlindungan terhadap mereka.

Perlanungan, Isu Sempadan Wilayah Laut

Indonesia dan Malaysia berkongsi sempadan maritim di tiga kawasan utama, iaitu Selat Melaka, Laut China Selatan, dan Laut Sulawesi. Sempadan maritim di Laut Sulawesi berhampiran dengan lokasi ibu negara Indonesia yang baru, terletak di sebelah timur Pulau Kalimantan. Untuk menyelesaikan sempadan kedua-dua buah negara, Indonesia dan Malaysia telah mengadakan rundingan dan akhirnya bersetuju untuk menandatangani Perjanjian antara Kerajaan Republik Indonesia dan Kerajaan Malaysia Berhubung dengan Penentuan Landas Kontinen di antara Dua Negara di Kuala Lumpur pada 27 Oktober 1969. Dokumen tersebut ditandatangani oleh Menteri Pertambangan RI ketika itu, Prof. Dr. Ir Soemantri Brodjonegoro dan Peguam Negara Malaysia, Tan Sri Abdul Kadir Bin Yusof. Namun, pelantar benua yang dipersetujui masih terletak di kawasan Selat Melaka dan Laut China Selatan sahaja, manakala persempadan semula di Laut Sulawesi masih ditangguhkan.

Selain daripada persempadan pelantar benua, kedua-dua buah negara sehingga kini (April 2023) belum bersetuju mengenai persempadan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) mereka. Malaysia sendiri telah membuat tuntutan ZEE pada 25 April 1980.³⁴ Malaysia sebagai negara pesisir/pantai juga berhak mengukur lebar ZEE sejauh 200 batu nautika dari garisan pangkal yang digunakan untuk mengukur lebar laut wilayah. Sementara itu, berdasarkan mandat UNCLOS 1982, Indonesia juga menuntut ZEE sejauh 200 batu nautika dari garisan pangkal lurus kepulauan. Hal ini berpotensi menimbulkan ketegangan di antara kedua-dua negara, terutama daripada segi eksploitasi sumber marin di kawasan yang masih menjadi pertikaian. Disebabkan sempadan maritim antara kedua-dua buah negara di Laut Sulawesi masih belum selesai, ketegangan/insiden telah berlaku di antara kedua-dua negara beberapa kali. Misalnya, pada 2005, tuntutan blok Ambalat telah menyebabkan peningkatan penempatan kekuatan tentera kedua-dua negara di rantau ini. Malah, berlaku perlanggaran di antara kapal perang Indonesia KRI Tedong Naga dan KD Rencong Malaysia sebanyak tiga kali.³⁵

Pada November 2020, telah berlaku penangkapan seorang warga Indonesia oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Malaysia dengan tuduhan melanggar sempadan wilayah di Sei Ular. Namun, pasukan PGA dan pasukan Indonesia dari Pos AL Tinabasan dan Satgas Pamtas Sei Ular dapat menyelesaikan secara kekeluargaan dan warga Indonesia tersebut telah dibebaskan. Insiden ketiga berlaku pada Februari 2021, iaitu seramai 7 orang warga negara Indonesia dari Sebuku (salah satu daerah terpencil di daratan Kalimantan) menaiki bot laju ke Nunukan pada waktu malam. Ketika itu, air surut dan bot laju tersebut melepassi bahagian dalam sungai (Sei Ular) yang merupakan sebahagian daripada wilayah Malaysia. Mereka kemudian ditangkap oleh Polis Marin Malaysia yang sedang membuat rondaan dari Tawau. Kesemua mereka dibawa ke Tawau, walaupun akhirnya dapat diselesaikan dan dipulangkan ke Indonesia.³⁶

Selain isu pelanggaran sempadan wilayah di kawasan abu-abu, laut di sebelah timur pulau Kalimantan/Borneo juga dikenali sebagai kawasan yang terdedah kepada penculikan lanun. Menurut *Institute for Policy Analysis of Conflict* (IPAC, 2019), kawasan ini merupakan salah satu kawasan maritim paling berbahaya di dunia, yang menjadi salah satu titik panas terjadinya 41% kes penculikan di dunia antara 1995-2013. Data terbaru dari ReCAAP (2021) menunjukkan bahawa sepanjang tempoh 2016-2020, telah berlaku 31 kes penculikan di Laut Sulu-Sulawesi, sama ada yang sebenar atau percubaan. Jumlah tersebut merupakan jumlah kedua terbesar di Asia selepas Selat Melaka & Singapura. Bagi Indonesia, kepentingan mereka terganggu dengan tindakan tebusan rakyat mereka

Peranan Masyarakat Pantai Timur Sabah dalam Meminimumkan Impak Keselamatan Nasional

yang dilakukan oleh kumpulan bersenjata di sana, terutama Abu Sayyaf, yang telah berulang kali terjadi. Sejak 2016 hingga Mac 2021, terdapat 44 WNI yang telah diculik untuk kemudian diminta wang tebusan.³⁷ Bagi Malaysia, kepentingan mereka juga terjejas kerana sebahagian besar kes penculikan anak kapal tersebut berlaku dalam bidang kuasa dan kedaulatan Malaysia.

Jadual 1: Kes Penculikan di Sekitar Laut Sulu-Sulawesi

Bil	Tarikh	Lokasi	Peristiwa	Angka Korban	Pelaku
1	26 Mac 2016	Perairan Sabah-Sulu	Penculikan ABK tugboat Brahma dan kapal tongkang Anand 12	10 orang	Abu Sayyaf faksi Al Habsyi Mesaya
2	15 April 2016	Perairan Sabah	Penculikan 4 ABK kapal tunda Henry dan kapal tongkang Christy	4 orang	Abu Sayyaf
3	20 Jun 2016	Perairan Sulu-Basilan	Penculikan ABK kapal tunda Charles 001 dan kapal tongkang Robby 152	7 orang	Abu Sayyaf faksi Al Habsyi Mesaya
4	9 Julai 2016	Perairan Lahad Datu	Penculikan ABK pukat tunda LD/114/5S	3 orang	Abu Sayyaf
5	3 Ogos 2016	Kinabatangan, Sabah	Penculikan kapten kapal penangkap udang berbendera Malaysia	1 orang	Abu Sayyaf
6	5 Nov 2016	Perairan Sabah	Penculikan ABK kapal SK 00520 F dan SN 1154/4F	2 orang	Abu Sayyaf
7	19 Nov 2016	Perairan Sabah	Penculikan ABK kapal bernombor VW 1738 berbendera Malaysia	2 orang	Abu Sayyaf
8	19 Jan 2017	Perairan Sandakan	Penculikan ABK Kapal ikan BN 834/4/F	3 orang	Abu Sayyaf
9	11 Sep 2018	Perairan Samporna	Penculikan ABK kapal ikan Dwi Jaya 1	2 orang	Abu Sayyaf
10	5 Dis 2018	Perairan Kinabatangan, Sandakan	Penculikan ABK kapal ikan SN259/4/AF	3 orang	Abu Sayyaf
11	23 Sep 2019	Perairan Tambisan, Lahad Datu	Penculikan ABK kapal pukat	3 orang	Abu Sayyaf

Sumber: Disintesis oleh pengkaji daripada pelbagai sumber.

Peranan Masyarakat Sempadan dan Cadangan Penambahbaikan

Seperti yang dihujahkan, perpindahan ibu kota (IKN) Indonesia ke Kalimantan dilihat bakal memberi kesan positif kepada hubungan kedua-dua negara. Namun, perpindahan ini dijangkakan turut membawa kesan negatif kepada kedua-dua negara. Dalam konteks keselamatan sempadan Malaysia-Indonesia, sejak sekian lama sempadan antarabangsa kedua-dua negara ini merupakan antara kawasan yang terkenal dengan beberapa aktiviti haram rentas sempadan, sama ada di darat atau laut serta berbentuk ancaman bukan tradisional.³⁸ Ini termasuklah isu penyeludupan barang, penyeludupan *trafficking, contraband*, radikal dan ekstremisme, perlanunan dan *Kidnapping for Ransom* (KfR) dan beberapa aktiviti lain. Oleh itu, salah satu kebimbangan utama akibat perpindahan ini adalah kerana ia dilihat bakal memberi ruang yang lebih besar kepada peningkatan aktiviti ancaman jenayah rentas sempadan antara kedua-dua negara ini. Peningkatan hubungan antara masyarakat sempadan antara kedua-dua buah negara melalui pembinaan dan pengembangan sistem perhubungan jalan raya dan laut dijangka akan mempermudah berlakunya isu-isu berkaitan. Perkara ini jelas kelihatan dalam konteks peningkatan jaringan jalan raya di kawasan sempadan antara Sabah dan Kalimantan, khususnya di laluan Simanggaris-Serudung. Malah, aktiviti-aktiviti haram seperti penyeludupan dan jenayah terancang berpotensi untuk mengeksplorasi peningkatan mobiliti ini demi memenuhi kepentingan mereka, sekaligus memperhebatkan ancaman keselamatan rentas sempadan.

Tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia dan Indonesia telah memeterai beberapa perjanjian kerjasama keselamatan untuk menangani pelbagai isu yang melibatkan kepentingan bersama. Kerjasama ini merangkumi aspek kawalan sempadan, pencegahan jenayah rentas negara, serta usaha membanteras keganasan dan penyeludupan. Perjanjian-perjanjian ini mencerminkan komitmen kedua-dua negara dalam memastikan kestabilan serantau dan melindungi kepentingan strategik masing-masing. Antaranya adalah seperti perjanjian *Basic Arrangement on Border Crossing 1967; Malaysia-Indonesia Agreement on Border Trade, 1970; Joint Demarcation and Survey of the Common Land Boundary, 1973; Perjanjian Perdagangan Lintas Batas Laut, 1973; Demarcation and Survey of the International Boundary between Indonesia* (Kalimantan Timur and Kalimantan Barat) and Malaysia (Sabah and Sarawak), 2000, 2001, 2005, 2006; 2017, 2018, 2019; *Common Guidelines concerning Treatment of Fisherman by Maritime Law Enforcement Agencies*, 2012, *Trilateral Cooperative Agreement* (TCA), 2016 serta beberapa perjanjian dan persetujuan lain. Selain itu, terdapat juga beberapa perjanjian dan persetujuan lain yang penting dalam memahami dinamika keselamatan dalam hubungan kedua-dua buah negara ini. Ini termasuklah kerjasama di bawah SOSEK-MALINDO, BIMP-EAGA, Perjanjian *Border Trade Agreement*. Malangnya, walaupun terdapat beberapa perjanjian kerjasama keselamatan, masih banyak isu yang berbangkit dan sukar untuk diselesaikan. TCA yang dipersetujui pada tahun 2016 dalam menangani ancaman jenayah rentas sempadan di Laut Sulu-Sulawesi misalnya bertujuan untuk meningkatkan kerjasama keselamatan.³⁹ Malangnya, berlaku peningkatan yang mendadak dalam jumlah mangsa penculikan dalam kalangan warga Indonesia setiap tahun.⁴⁰ Ini menunjukkan wujudnya masalah dan kelemahan dalam perjanjian tersebut yang perlu perhatian khusus dan penambahbaikan bagi memastikan keberkesanan jangka panjang dalam menangani ancaman keselamatan di rantau tersebut.

Selain itu, kebanyakan ancaman berbentuk bukan tradisional dan menyangkut jenayah rentas sempadan, tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dalam perjanjian dan kerjasama ini. Keadaan ini menyebabkan isu-isu jenayah bukan tradisional rentas sempadan seperti penyeludupan, perdagangan manusia dan aktiviti haram lain terus meningkat. Tambahan pula, cadangan perpindahan ibu kota Indonesia ke Kalimantan ini dilihat pasti akan meningkatkan lagi ancaman di kawasan sempadan darat dan maritim kedua-dua buah negara. Lebih membimbangkan kebanyakan perjanjian dan persetujuan yang ditandatangani sebelum ini di antara kedua-dua buah negara ini dilihat sudah

tidak memenuhi keperluan dan konteks keselamatan semasa antara kedua-dua buah negara, lebih-lebih lagi dalam mendepani perpindahan IKN ini. Perubahan dinamik seperti perpindahan (IKN) memerlukan penilaian semula terhadap perjanjian ini agar ia dapat disesuaikan dengan realiti terkini ancaman keselamatan di rantau tersebut. Oleh itu, perjanjian-perjanjian ini perlu dikaji dan diperbaharui mengikut keperluan semasa. Penambahan ini menekankan perubahan dinamik dan kesan perpindahan ibu kota terhadap keselamatan, sambil menegaskan keperluan penilaian semula perjanjian keselamatan yang sedia ada.

Salah satu kekangan utama yang muncul akibat daripada perjanjian dan kerjasama ini adalah kerana ia hanya berlaku pada tingkat kerajaan dengan kerajaan (*G to G*). Akibatnya, wujud dasar yang bersifat atas ke bawah tanpa menghiraukan keadaan komuniti di sempadan. Ini menyebabkan kerjasama keselamatan hanya difahami dalam konteks kerjasama ketenteraan dan manafikan beberapa elemen keselamatan lain, misalnya keselamatan insan dan ancaman non-tradisional seperti penyeludupan, kehadiran pendatang dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji melihat bahawa selain memfokuskan kepada kerjasama yang berlaku antara negara, terdapat juga keperluan untuk melibatkan kerjasama antara kedua-dua buah negara di peringkat bawah, terutamanya di antara penduduk dengan penduduk (*people-to-people*) atau *community based approach*. Ini selari dengan kehendak ASEAN yang melihat wujudnya keperluan untuk memfokuskan kepada *people's centric* dalam hubungan negara ASEAN. Dalam konteks perpindahan IKN ini, pengkaji melihat bahawa telah tiba masanya untuk meningkatkan kerjasama keselamatan antara *Government to Government* dan *People to People* di kawasan ini selain turut memasukan pendekatan bawah ke atas dalam mendepani isu keselamatan akibat perpindahan ini.

Oleh hal yang demikian kedua-dua negara perlu memfokuskan kepada kerjasama aktor di antara negara-negara, aktor negara-bukan negara dan aktor bukan negara-bukan negara di kedua-dua negara dalam mengurus ancaman keselamatan bersifat bukan tradisional yang berlaku dalam usaha mengurangkan ancaman dan risiko dan meningkatkan peluang yang boleh memberikan manfaat bukan sahaja kepada kedua-dua negara malah terhadap rantau. Masyarakat yang mendiami kawasan sempadan antara dua negara, seperti Malaysia dan Indonesia, sering kali diabaikan dalam konteks kerjasama antara negara. Walhal, mereka memainkan peranan penting sebagai aktor yang mempengaruhi hubungan kedua-dua negara, terutama di kawasan sempadan darat dan maritim. Masyarakat sempadan bukan sahaja bertindak sebagai perantara dalam hubungan rentas sempadan, tetapi juga berpotensi memfasilitasi kepada bentuk ancaman yang berlaku, seperti penyeludupan, jenayah rentas sempadan, dan aktiviti tidak sah yang lain di kawasan sempadan.⁴¹

Masyarakat ini sering terdedah kepada pengaruh luar, termasuk sindiket jenayah dan kumpulan pengganas, yang mengambil kesempatan daripada kerentenan mereka. Kekurangan perhatian dan sokongan dari kerajaan sering menjadikan masyarakat sempadan ini terpinggir dan mudah dieksplorasi. Keadaan ini menjadikan mereka aktor penting yang memerlukan pendekatan yang lebih inklusif dalam strategi keselamatan dan hubungan bilateral antara Malaysia dan Indonesia. Menyedari kepentingan masyarakat sempadan ini, kerajaan kedua-dua negara perlu merangka strategi yang lebih komprehensif dan inklusif untuk melibatkan mereka dalam proses membuat keputusan dan perlaksanaan dasar keselamatan sempadan. Pendekatan ini boleh melibatkan penyediaan peluang ekonomi, infrastruktur, pendidikan, dan akses kepada perkhidmatan asas yang sering kali kurang tersedia di kawasan sempadan. Dengan memastikan keperluan dan kepentingan masyarakat ini dipenuhi, mereka boleh berperanan sebagai 'mata dan telinga' kerajaan, membantu dalam mengesan dan melaporkan aktiviti haram yang berlaku.

Berdasarkan hal ini, jelas menunjukkan bahawa komuniti sempadan merupakan elemen penting yang perlu diberi perhatian dalam memahami isu dan persoalan yang berlaku di sempadan antarabangsa.⁴² Komuniti ini bukan sahaja terlibat secara langsung dengan dinamika sempadan,

tetapi juga menjadi pihak yang paling terkesan oleh aktiviti rentas sempadan seperti penyeludupan, pemerdagangan manusia, dan jenayah terancang. Malahan, pendekatan *community-based*, khususnya yang melibatkan masyarakat sempadan, telah terbukti berkesan dalam menguruskan isu-isu seperti penyeludupan serta ancaman keselamatan lain.⁴³

Menyedari potensi pendekatan ini, *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) dalam laporan pada tahun 2023 mengenai penyeludupan dan jenayah terancang di Asia Tenggara, mencadangkan agar negara-negara di rantau ini mula mengambil langkah memperkasakan komuniti sempadan. Langkah ini dilihat sebagai strategi yang berkesan dan kos rendah untuk menangani ancaman penyeludupan, jenayah rentas sempadan, serta ancaman keselamatan lain. Dengan memperkuuh peranan komuniti tempatan sebagai 'barisan hadapan' dalam menangani masalah ini, negara-negara boleh mengurangkan ketergantungan kepada operasi ketenteraan dan kawalan sempadan yang mahal. Selain itu, komuniti sempadan yang berdaya tahan dan terlibat secara langsung dalam menjaga keselamatan wilayah mereka dapat menjadi aset berharga dalam memastikan kestabilan serantau.

Selain itu, pemerkasaan masyarakat sempadan melalui program pendidikan dan kesedaran mengenai keselamatan serta kepentingan hubungan antarabangsa dapat mengurangkan risiko penglibatan mereka dalam kegiatan tidak sah. Sekiranya strategi inklusif ini dapat direalisasikan, masyarakat sempadan berpotensi untuk menjadi sekutu penting dalam usaha memelihara keselamatan dan kestabilan di kawasan sempadan, sambil menyumbang kepada hubungan yang lebih baik antara Malaysia dan Indonesia. Keterlibatan mereka juga boleh mengurangkan ketegangan antara negara dan meningkatkan kesalingpercayaan dalam menangani isu-isu rentas sempadan.

Kesimpulan

Berdasarkan hujahan dan analisis, perpindahan ibu kota Jakarta ke Kalimantan akan memberikan impak yang signifikan kepada Malaysia yang bukan sahaja terdiri daripada manfaat tetapi turut juga risiko dan ancaman. Hal ini kerana, melalui perpindahan tersebut sudah pasti akan membawa kepada jalan-jalan tikus yang baharu dan peningkatan kepada isu penyeludupan sehingga memberikan impak yang negatif kepada keselamatan insan, ekonomi dan nasional sehingga membawa kepada ketidak stabilan rantau. Malah fahaman ekstrimis yang membawa kepada ancaman puak-puak pemisah dan terrorisme juga dijangkakan akan berlaku kerana kedudukan ibu kota tersebut yang berhampiran dengan kubu Jemaah Islamiah di Indonesia dan kumpulan Abu Sayyaf di Selatan Filipina. Situasi tersebut secara tidak langsung akan menjejaskan kelangsungan kepada sesebuah negara.

Atas faktor tersebut, adalah satu keperluan yang mendesak yang bukan sahaja melibatkan kerajaan kedua-dua buah negara tetapi juga peranan masyarakat khususnya yang mendiami di kawasan sempadan antara kedua-dua buah negara. Antara yang boleh dilakukan oleh mereka ialah dengan menjadi mata-mata dan menyalurkan informasi kepada pihak kerajaan. Situasi tersebut secara tidak langsung dapat meminumkan risiko dan ancaman malah peruntukkan keselamatan oleh kedua-dua buah negara.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MOHE) melalui Fundamental Research Grant Scheme (FRGSFRGS/1/2023/SS08UMS/02/2).

Nota

- ¹ Aldilla Muhamad Rizki & Michael, Tommy, Impact Of Moving The New Capital To Kalimantan. *Jurnal Abdi Karya: Jurnal Karya Pengabdian Dosen Dan Mahasiswa*, 5, no. 1, 2022, hlm 58-65.
- ² Badan Pusat Statistik Indonesia, 2023. diakses dari laman sesawang <https://www.bps.go.id/publication/2023/02/28/18018f9896f09f03580a614b/statistik-indonesia-2023.html>
- ³ Mahmud Melizubaida & Rustam Tohopi, Government Policy in Reducing Unemployment in Bone Bolango Regency, Gorontalo Province. *International Journal of Social Sciences and Human Research* Vol. 6, 7, 2023, hlm 4136-4144.
- ⁴ Global Fire Power. 2024. diakses daripada laman sesawang https://www.globalfirepower.com/country-militarystrength-detail.php?country_id=indonesia
- ⁵ Bernama, 12 Februari 2022.
- ⁶ Saraswati Kumoro & Ariananto, Pemindahan Ibu Kota Negara Ke Provinsi Kalimantan Timur Berdasarkan Analisis SWOT, *JISIP (Jurnal Ilmu Sosial dan Pendidikan)* 6, no. 2, 2022.
- ⁷ Mohammad Ikhram Mohammad Ridzuan, Mohd Ikbal Mohd Huda, Sity Daud, 2021, Hubungan Normalisasi Malaysia dengan China: Hujahan Realisme Neoklasik dalam Menganalisis Keputusan Tun Abdul Razak, *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 48, no.1, 2021, hlm 122-149.
- ⁸ Taufiq A. Rashid, Tuan Nurhafiza Raja Abdul Aziz, Ahmad Faqih Ibrahim & Muhammad Hilmi Mat Johar, Kerjasama Duahala Malaysia dan Indonesia : Sudut Pandang Dari Hubungan Diplomatik. *Journal of Law & Governance*, 2019, hlm 25.
- ⁹ Mohamad Ikhram Ridzuan & Marfunizah Ma'adan, Abdullah Badawi's Foreign Policy Towards China: Three Level Analysis of a Pragmatic and Idealistic Diplomacy Strategy in a Two-Way Cooperation. *Journal of International Studies*, 2023, hlm 147.
- ¹⁰ Mohamad Ikhram Mohamad Ridzuan, Mohd Ikbal Mohd Huda, Sity Daud, 61 Tahun Grand Strategy Malaysia-China, Penerbit UKM, Bangi, 2024, hlm 55-58.
- ¹¹ Terriff-Terry, Change, *Security and Surprise*, Routledge, United Kingdom, 2013, hlm 21-27.
- ¹² Chalk, Peter, *Grey Area Phenomena in Southeast Asia: Piracy, Drug Trafficking and Political Terrorism*. Canberra: Strategic and Defence Studies Centre, Research School of Pacific and Asian Studies, Australia National University, 1997.
- ¹³ Ward, Veronica, *Towards an International Theory of State-Non State Actors: A Grid Group Cultural Approach*, Palgrave Macmillan UK, London, 1998, hlm 218-220.
- ¹⁴ Chalk, Peter, *Grey Area Phenomena in Southeast Asia: Piracy, Drug Trafficking and Political Terrorism*. Canberra: Strategic and Defence Studies Centre, Research School of Pacific and Asian Studies, Australian National University, 1997.
- ¹⁵ Hittner, Sebastian, Facing Grey Area Phenomena Transformation Through Transnational Crime and Violence in Southeast Asia, *Asien*, no 109, 2008, hlm 54-64.
- ¹⁶ R1 2024: Temu bual.
- ¹⁷ Ibid.
- ¹⁸ Ibid.
- ¹⁹ Ibid.
- ²⁰ Ibid.
- ²¹ Ibid.
- ²² Ibid.
- ²³ R2 2024: Temu bual.
- ²⁴ Laporan ESSCOM 2021, 2021.
- ²⁵ Kementerian Dalam Negeri Malaysia, 2019.

²⁶ Diansyah. 2022, Disember 30. Sepanjang 2022, KPPBC Nunukan Selamatkan Uang Negara Rp1,7 Miliar. diakses daripada <https://pusaranmedia.com/read/15886/sepanjang-2022-kppbc-nunukan-selamatkan-uang-negara-rp17-miliar>.

²⁷ R3 2024: Temu bual.

²⁸ Mohamad Ikhram Ridzuan, Azizan Morshidi & Noor Syakirah Idris, Unracing The Nexus: Exploring Malaysia's Research Trends in Advancing UN SDG 1. *Multidisciplinary Reviews*, 8, no.2, 2025, hlm 1-16.

²⁹ R2 2024: Temu bual.

³⁰ R3 2024: Temu bual.

³¹ KBMB, Seperti di Neraka: Kondisi Pusat Tahanan Imigrasi di Sabah 2022, Malaysia diakses daripada <https://migranberdaulat.org/seperi-di-neraka-kondisi-pusat-tahanan-imigrasi-di-sabah-malaysia/>.

³² Savitri Putu Indah, 2022, Disember 2022, Komnas HAM sebut sedikitnya 300 ribu WNI berpotensi “stateless”, diakses daripada <https://www.antaranews.com/amp/berita/3310854/komnas-ham-sebut-sedikitnya-300-ribu-wni-berpotensi-stateless>.

³³ Setyorini Virna, 2023, Mac 11, Konsulat RI Tawau kembali fasilitasi pemulangan 246 PMI dari Malaysia, diakses daripada <https://kl.antaranews.com/berita/16044/konsulat-ri-tawau-kembali-memfasilitasi-pemulangan-246-pmi-dari-malaysia>.

³⁴ Salleh, A., Mohd Razali, C.H.C., dan Jusoff, K, Malaysia's policy towards its 1963 - 2008 territorial disputes, *Journal of Law and Conflict Resolution* 1, no. 5, 2009, hlm 107-116.

³⁵ Hadi Syamsul, The Dispute of Ambalat in The Perspective of Indonesian Foreign Policy in the Post-New Order Era, *Jurnal Hukum Internasional* 12, no. 1 2014, hlm 1-20.

³⁶ Dzulviqor Ahmad (2021, Februari 11). Dituding Langgar Batas Perairan, 7 WNI Ditangkap Polis Marin Malaysia diakses daripada <https://nasional.kompas.com/read/2021/02/11/22163281/dituding-langgar-batas-perairan-7-wni-ditangkap-polis-marin-malaysia>.

³⁷ Guritno Tatang, 2021, April 5, Kemenlu Pulangkan 4 WNI Korban Penyanderaan Abu Sayyaf ke Keluarga, diakses daripada <https://nasional.kompas.com/read/2021/04/05/09560031/kemenlu-pulangkan-4-wni-korban-penyanderaan-abu-sayyaf-ke-keluarga>.

³⁸ Ramli Dollah, Amrullah Maraining, Adi Jafar & Eko Joko, Exploring The Interdependence Model In Malaysia-Indonesia Relations: Insights From Sabah, Malaysia. *Intellectual Discourse* 32, no. 1, 2024, hlm 213–237.

³⁹ Febrika, Senia., Securing the Sulu-Sulawesi Seas from Maritime Terrorism: A Troublesome Cooperation? *Perspectives on Terrorism* 8, no.3, 2014, hlm 64-83.

⁴⁰ Abdul Rashid Abdul Hamid, A.R. & Ramli Dollah. Dari ‘Mundu’ ke Penculikan Untuk Tebusan: Evolusi ancaman keselamatan maritim di Pantai Timur Sabah. *Kinabalu* 26, no. 1, 2020, hlm 1-22

⁴¹ Wan Shawaluddin Wan Hassan, Amrullah Maraining, Ramli Dollah, Isu Penyeludupan Di Pulau Sebatik, Malaysia. Isu Penyeludupan Di Pulau Sebatik, Malaysia. *Kinabalu* 26, no. 2, 2020, hlm 355-380.

⁴² Zaini Othman. Nasionalisme dan Identiti Politik Sempadan Sabah (Malaysia)-Kalimantan (Indonesia): Kajian Kes Etnik Murut Bantul. Dalam. R. Dollah et. al. (eds.) *Sabah dalam hubungan Malaysia-Indonesia*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2019, hlm 45-56.

⁴³ Greene, Jack., Community policing in America: changing the nature, structure, and function of the police. *Criminal Justice* 3, no. 3, 2020, hlm 299–370.

Rujukan

- Ali Gulasan, Amrullah Maraining, Ramli Dollah & Marsitah Mohd Radzi. 2021. *Perpindahan Ibu Kota Indonesia Ke Kalimantan: Implikasinya Ke atas Negeri Sabah, Malaysia*. Kota Kinabalu/Jakarta: Penerbit UMS & LIPI.
- Abdul Rashid Abdul Hamid & Ramli Dollah. 2020. “Dari ‘Mundu’ ke Penculikan Untuk Tebusan: Evolusi ancaman keselamatan maritim di Pantai Timur Sabah”. *Kinabalu* 26, no. 1: 1-22.
- Aldilla Muhammad Rizki & Michael, Tommy. 2022. “Impact Of Moving The New Capital To Kalimantan”. *Jurnal Abdikarya: Jurnal Karya Pengabdian Dosen Dan Mahasiswa* 5, no.1: 58-65.
- Agreement between the Government of the Republic of Indonesia and the Government of Malaysia Relating to the Delimitation of the Continental Shelves between the Two Countries*, Kuala Lumpur, 27 Oktober 1969.
- Badan Pusat Statistik Indonesia, 2023. Diakses 15 Mei, 2023.
<https://www.bps.go.id/publication/2023/02/28/18018f9896f09f03580a614b/statistik-indonesia-2023.html>
- Benuanta. 2023. “Polres Nunukan Ringkus 5 Tersangka Calo Penyelundupan CPMI Ilegal”. Februari 21.
<https://benuanta.co.id/index.php/2023/02/23/polres-nunukan-ringkus-5-tersangka-calo-penyelundupan-cpmi-illegal/103425/17/38/13/>
- Chalk, Peter. 1997. *Grey Area Phenomena in Southeast Asia: Piracy, Drug Trafficking and Political Terrorism*. Canberra: Strategic and Defence Studies Centre, Research School of Pacific and Asian Studies, Australian National University.
- Diansyah. 2022. “Sepanjang 2022, KPPBC Nunukan Selamatkan Uang Negara Rp1,7 Miliar.” *Pusaran Media*, 30 Disember. Diakses 16 Mei 2024.
<https://pusaranmedia.com/read/15886/sepanjang-2022-kppbc-nunukan-selamatkanuang-negara-rp17-miliar>
- Dzulviqor Ahmad. 2021. “Dituding Langgar Batas Perairan, 7 WNI Ditangkap Polis Marin Malaysia.” *Nasional Kompas*, 2 November. Diakses 17 Jun 2024.
<https://nasional.kompas.com/read/2021/02/11/22163281/dituding-langgar-batas-perairan-7-wni-ditangkap-polis-marin-malaysia>
- Ramli Dollah, Amrullah Maraining, Mohd Adi Jaafar & Eko Joko. 2024. “Exploring The Interdependence Model In Malaysia-Indonesia Relations: Insights From Sabah, Malaysia”, *Intellectual Discourse* 32, no. 1: 213–237.
- Febrica, Senia. 2014. “Securing the Sulu-Sulawesi Seas from Maritime Terrorism: A Troublesome Cooperation?”, *Perspectives on Terrorism* 8, no. 3: 64-83.
- Fauzie Sarjono & Rudiatin. 2022. “Informal Cross-Border Trade: Malaysia-Indonesia Borders The Conceptualization From ‘Authority-Defined’ To “Everyday-Defined””. *BASKARA: Journal of Business and Entrepreneurship* 5, no. 1: 108-122.
- Fauzie Sarjono. 2021. “Fenomena smokol danal aktiviti perdagangan informal rentas sempadan di Pulau Sebatik, Malaysia-Indonesia”. Thesis PhD, UKM.
- Greene, Jack. 2000. “Community policing in America: Changing the nature, Structure, and Function of the Police”, *Criminal Justice* 3, no. 3: 299–370.
- Glonal Fire Power 2024.
https://www.globalfirepower.com/country-military-strength-detail.php?country_id=indonesia

Mohamad Ikhram Ridzuan, Ramli Dollah and Sandy Nur Ikfal Raharjo

- Guritno, Tatang. 2021. "Kemenlu Pulangkan 4 WNI Korban Penyanderaan Abu Sayyaf ke Keluarga", 5 April. Diakses 11 Jun 2024.
<https://nasional.kompas.com/read/2021/04/05/09560031/kemenlu-pulangkan-4-wni-korban-penyanderaan-abu-sayyaf-ke-keluarga>
- Hadi Syamsul. 2014. "The Dispute of Ambalat in The Perspective of Indonesian Foreign Policy in the Post-New Order Era," *Jurnal Hukum Internasional* 12, no. 1: 1-20.
- Hiltner, Sebastian. 2008. "Facing Grey Area Phenomena-Transformation Through Transnational Crime and Violence in Southeast Asia," *Asien*, 109: 54-64.
- IPAC. 2019. "Protecting the Sulu-Sulawesi Seas from Abu Sayyaf Attacks". *IPAC Report* No. 53. 9 Januari.
http://file.understandingconflict.org/file/2019/01/IPAC_Report_53_Sulu.pdf
- KBMB. 2022. "Seperti di Neraka: Kondisi Pusat Tahanan Imigrasi di Sabah, Malaysia". Diakses 10 Jun 2024.
<https://migranberdaulat.org/seperi-di-neraka-kondisi-pusat-tahanan-imigrasi-di-sabah-malaysia/>
- Kedutaan Besar dan Konsulat Amerika Syarikat di Indonesia.
<https://id.usembassy.gov/id/our-relationship-id/official-reports-id/laporan-tahunan-perdagangan-orang-2022/>
- Kementerian Luar Negeri Indonesia.
<https://thehague.kemlu.go.id/portal/id/read/4537/berita/konsulat-ri-tawau-kembali-fasilitasi-pemulangan-246-orang-wnipmi-dari-depot-imigresen-tawau>
- Kong, J. 2019. "Sarawak-Kalimantan border security road network now 'crucial', says Masing". *The Borneo Post*. 13 November. Diakses 5 Julai 2024.
<https://www.theborneopost.com/2019/11/13/sarawak-kalimantan-bordersecurity-road-network-now-crucial-says-masing/>
- Karulus, Yusten & Maine Suadik. 2010. "Komuniti Sempadan Ba'kelalan: Antara Identiti Nasional Dan Identiti Budaya". *Borneo Research Journal* 4, no: 129-145.
- Laporan ESSCOM (EDISI KHAS).
- Mohamad Ikhram Ridzuan & Marfuniza Ma. 2023. "Abdullah Badawi's Foreign Policy Towards China: Three-Level Analysis Of A Pragmatic And Idealistic Diplomacy Strategy In A Two-Way Cooperation," *Journal Of International Studies* 19, no. 1: 145–168.
doi.org/10.32890/jis2023.19.1.6
- Mohamad Ikhram Ridzuan, Mohd Ikbil Mohd Huda & Sity Daud. 2024. *61 Tahun Grand Strategy Malaysia-China*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Ikhram Mohammad Ridzuan, Mohd Ikbil Mohd Huda & Sity Daud. 2021. "Hubungan Normalisasi Malaysia dengan China: Hujahan Realisme Neoklasik dalam Menganalisis Keputusan Tun Abdul Razak," *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 48, no. 1: 122-149.
- Mohamad Ikhram Ridzuan, Azizan Morshidi & Noor Syakirah Idris. 2025. "Unraveling The Nexus: Exploring Malaysia's Research Trends in Advancing UN SDG 1," *Multidisciplinary Reviews* 8, no. 2: 1-16.
- Mahmud Melizubaida & Rustam Tohopi. 2023. "Government Policy in Reducing Unemployment in Bone Bolango Regency, Gorontalo Province," *Intenational Journal of Social Sciences and Human Research* 6, no. 7: 4136-4144.
- Muji. 2019. "Ini Sebab Kenapa Jokowi Pindahkan Ibu Negara Indonesia Ke Pulau Kalimantan". *Odisi*. Diakses 6 Julai 2024.
<https://odisi.my/2019/08/4106/>

- Peranan Masyarakat Pantai Timur Sabah dalam Meminimumkan Impak Keselamatan Nasional Penerbitan Statistik Kementerian Dalam Negeri. 2019. Diakses 11 April 2024.
https://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/UKOM/penerbitan_statistik_2019__-pdf-.pdf
- ReCAAP. 2021. *Piracy and Armed Robbery Against Ships in Asia: Annual Report Januari-December 2020*. Di akses 11 April 2024.
[https://www.recaap.org/resources/ck/files/reports/annual/ReCAAP%20ISC%20Annual%20Report%202020%20v1\(1\).pdf](https://www.recaap.org/resources/ck/files/reports/annual/ReCAAP%20ISC%20Annual%20Report%202020%20v1(1).pdf)
- Bernama. 12 Februari 2022. RM135.9 bilion untuk Nusantara.
- Rudiatin, Endang. 2012. “Integrasi Ekonomi Lokal di Perbatasan: Satu Kajian Mengenai Ekonomi Masyarakat Desa Aji Kuing Pulau Sebatik-Nunukan Kalimantan Timur, Perbatasan Indonesia-Sabah, Malaysia.” Tesis PhD. Universiti Indonesia.
- Savitri Putu Indah. 2022. “Komnas HAM sebut sedikitnya 300 ribu WNI berpotensi “stateless”. *Antara News*. Diakses 20 Disember, 2023.
<https://www.antaranews.com/amp/berita/3310854/komnas-ham-sebut-sedikitnya-300-ribu-wni-berpotensi-stateless>
- Setyorini Virna. 2023. “Konsulat RI Tawau kembali fasilitasi pemulangan 246 PMI dari Malaysia. *Antara News*. 15 Disember. Diakses 7 Jun 2024.
<https://kl.antaranews.com/berita/16044/konsulat-ri-tawau-kembali-memfasilitasi-pemulangan-246-pmi-dari-malaysia>
- Salleh Asri, Che Hamdan Che Mohd Razali & Kamaruzaman Jusoff. 2009. “Malaysia’s policy towards its 1963 - 2008 territorial disputes,” *Journal of Law and Conflict Resolution* 1, no. 5: 107-116.
- Saraswati Kumoro & Ariananto. 2022. “Pemindahan Ibu Kota Negara Ke Provinsi Kalimantan Timur Berdasarkan Analisis SWOT,” *Jurnal Ilmu Sosial dan Pendidikan* 6, no. 2: 1-11.
- Storey, Ian. 2018. “Trilateral Security Cooperation in the Sulu-Celebes Seas: A Work in Progress,” *Perspective*, no. 48: 1-7.
- Taufiq A. Rashid, Tuan Nurhafiza Raja Abdul Aziz, Ahmad Faqih Ibrahim & Muhammad Hilmi Mat Johar. 2019. “Kerjasama Duahala Malaysia dan Indonesia: Sudut Pandang Dari Hubungan Diplomatik,” *Journal of Law & Governance* 2, no. 1: 28-38.
- Terriff.Terry. 2013. *Change, Security and Surprise*. Routledge: United Kingdom.
- UNODC. 2023. “Drivers of Illicit Trafficking in Border Communities in Southeast Asia.”
https://www.unodc.org/roseap/uploads/documents/Publications/2023/Trafficking_in_Border_Communities_SEA.pdf
- Wan Shawalludin Wan Hassan, Amrullah Maraining & Ramli Dollah. 2020. “Isu Penyeludupan Di Pulau Sebatik, Malaysia. Isu Penyeludupan Di Pulau Sebatik, Malaysia,” *Kinabalu*, 26 no. 2: 355-380.
- Ward, Veronica. 1998. *Towards an International Theory of State-Non State Actors: A Grid Group Cultural Approach*. London: Palgrave Macmillan UK.
- Zaini Othman, Kntaya Mariappan & Ismail Ali. 2010. *Nasionalisme, etnisiti dan komuniti sempadan negeri Sabah*. Penerbit: Universiti Malaysia Sabah.
- Zaini Othman. 2019. “Nasionalisme dan Identiti Politik Sempadan Sabah (Malaysia)-Kalimantan (Indonesia): Kajian Kes Etnik Murut Bantul.” Dlm. *Sabah dalam hubungan Malaysia-Indonesia*, disunting oleh Ramli Dollah, 34-44. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.